

**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
BENGKEL PENGGUNAAN PERALATAN FALAK TRADISIONAL RUBU' MUJAYYAB  
KHAMIS, 20 RABIULAKHIR 1443 | 25 NOVEMBER 2021**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والعاقبة للمتقين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وخاتم النبيين ورحمة الله للعالمين،  
سيدنا محمدٍ وعلى آله وصحبه أجمعين،  
أما بعد،

Yang Mulia Haji Mahadi bin Haji Md Tahir, YDP Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam (PABD).

Yang Berbahagia Ustaz Anuar bin Ariffin, Pemudahcara Bengkel yang di undang dari Malaysia.

Yang Dihormati Para Peserta Bengkel, dan Yang Berusaha Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Bengkel.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kita rafa'kan kehadiran Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kerana dengan izin dan limpah rahmatNya jua, kita dapat hadir berkumpul secara maya pada malam ini di **Majlis Perasmian Bengkel Penggunaan Peralatan Falak Tradisional Rubu' Mujayyab**, yang mana Bengkel ini akan berlangsung selama tiga (3) malam berturut-turut mulai dari Khamis, 25 November hingga Sabtu, 27 November 2021.

Terlebih dahulu, saya bagi mewakili Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) dengan tulus ikhlas sukacita merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam (PABD) di atas peluang kerjasama menganjurkan Bengkel Penggunaan Peralatan Falak Tradisional Rubu' Mujayyab, yang merupakan kolaborasi ilmiah yang JULUNG kali dilaksanakan di antara BKISHHB dan PABD. Mudah-mudahan ianya menjadi titik permulaan bagi lebih banyak lagi kerjasama dalam menganjurkan aktiviti-aktiviti keilmuan di masa akan datang.

Berkaitan Peralatan Falak Tradisional Rubu' Mujayyab yang akan dibengkelkan, ianya adalah merupakan salah satu peralatan astronomi yang mengambil namanya dari bahasa Arab berdasarkan bentuk dan sifat fizikal alat ini sendiri. *Rubu'* adalah kalimah Arab yang bermaksud sukuan atau satu perempat daripada bulatan, dan perkataan *Mujayyab* pula berasal dari kata kerja *jayyab* bermaksud menjadikan poket atau saku baju. Maka dapat disimpulkan bahawa Rubu' Mujayyab membawa pengertian satu peralatan astronomi yang berbentuk suku atau seperempat bulatan yang mudah alih kerana saiz fizikalnya yang kecil.

Rubu' Mujayyab sendiri dipercayai telah digunakan sebelum kurun ke-8 masihi lagi oleh ulama dan tokoh falak seperti al-Khawarizmi, al-Biruni, Ibn Syatir, dan Ibn Yunus. Rubu' Mujayyab ini digunakan untuk menghitung waktu solat, menetapkan arah kiblat, menentukan takwim Qamari (awal bulan Islam), mengetahui latitud (*ardul balad*) dan longitud (*thul al-balad*), mengira waktu tempatan, mengukur ketinggian tanah tinggi atau sesuatu objek, mendapatkan sudut tinggi Matahari, mengukur jarak antara dua objek, dan lain lagi. Dalam erti kata lain, fungsi Rubu' Mujayyab adalah setara atau serupa dengan peralatan kompas, jam, gps dan Theodolite di era teknologi informasi dan komunikasi kita sekarang.

Saya melihat penganjuran Bengkel Rubu' Mujayyab ini, sesuai dengan objektifnya supaya orang ramai berpeluang untuk mempelajari aplikasi dan tatacara penggunaan peralatan falak tradisional yang semakin dilupakan oleh generasi sekarang agar keunggulan ilmu dan khazanah Islam ini tidak hilang dan lenyap di masa akan datang.

Hadirin dan Hadirat peserta bengkel sekalian ...

Objektif melastarikan keunggulan ilmu dan memelihara khazanah Islam ini juga sangat bertepatan dengan fungsi dan peranan BKISHHB sendiri. Sepertimana hasrat dan aspirasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, agar BKISHHB memainkan peranan yang sangat luas, termasuk mengumpul, memelihara, mengkaji dan menyebarkan khazanah ilmu untuk kemajuan Islam dan umat sejagat.

Salah satu dari 9 galeri yang ada di BKISHHB, Galeri 8 adalah merupakan Galeri Astronomi yang mana menempatkan pelbagai peralatan astronomi tradisional termasuk astrolabe, rubu' mujayyab, rubu' mujannah, dan lain-lain lagi. Justeru penganjuran Bengkel Rubu' Mujayyab ini merupakan salah satu usaha dan landasan yang betul demi menyokong dan merealisasikan matlamat strategik BKISHHB untuk menjadi pusat warisan ilmu Islam, yang mampu menghidupkan budaya ilmu melalui aktiviti-aktiviti keilmuan. Ianya juga akan membukakan peluang kepada BKISHHB untuk menjalankan kajian dan penyelidikan bersama rakan strategik yang mempunyai ilmu dan kemahiran dalam bidang tertentu.

Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian,

Dalam suasana negara dan dunia berdepan dengan pelbagai cabaran menghadapi pandemik Covid-19, ianya bukan menjadi penghalang bagi kita terus menjalankan aktiviti ilmiah. Dengan cabaran ini, kita terpaksa menyesuaikan aktiviti dengan keadaan semasa dan Bengkel Rubu' Mujayyab ini terpaksa diadakan secara maya. Walau bagaimanapun, kita nampak hikmah disebaliknya yang mana penganjuran bengkel ini dapat dilaksanakan dengan lebih mudah disebabkan ianya diadakan secara maya yang tidak memerlukan tempat dan ruang berbanding jika diadakan secara fizikal. Selain itu penyertaan juga amat menggalakkan di mana dalam tempoh yang singkat, bilangan penyertaan telah mencapai angka maksima dan pendaftaran terpaksa ditutup disebabkan had bilangan peserta. Saya juga difahamkan seramai 95 orang peserta telah mendaftar untuk mengikuti Bengkel Rubu' Mujayyab ini dan termasuk 07 orang peserta dari negara serantau; Malaysia dan Indonesia yang mewakili beberapa maktab pendidikan, institusi pengajian tinggi dan persatuan astronomi yang dapat menyertai bengkel ini secara maya.

Apa yang diharapkan, para peserta bengkel akan dapat mengambil peluang dan memanfaatkan sepenuhnya kemahiran fasilitator bengkel, Yang Berbahagian Ustaz Anuar yang berpengalaman berkhidmat selama 10 tahun di Bahagian Falak Jabatan Mufti Pulau Pinang. Gunakanlah kesempatan ini untuk mempelajari penggunaan Rubu' Mujayyab dengan sebaiknya agar peserta mampu menggunakan kemahiran yang diperolehi dan mengaplikasikan pengetahuan yang dipelajari selepas tamat mengikuti bengkel nanti.

Untuk akhirnya, dengan lafaz kalimah **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ** serta selawat dan salam **على وسلم** اللهم صل وسلم على آله، سيدنا محمد وعلى آله، saya dengan sukacita merasmikan **Bengkel Penggunaan Peralatan Falak Tradisional Rubu' Mujayyab**.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

\*\*\*

Disediakan oleh:

Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad  
Pemangku Pengarah  
Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah  
Jabatan Perdana Menteri  
24 November 2021